

UTC adalah singkatan kepada Urban Transformation Centre atau Pusat Transformasi Bandar. Ia adalah salah satu usaha dan inisiatif Kerajaan bagi menyediakan pelbagai perkhidmatan utama Kerajaan dan sektor swasta kepada komuniti bandar di dalam satu pusat sehenti atau di dalam satu bangunan.

Ia merupakan sebahagian daripada Strategi Lautan Biru yang diperkenalkan

bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan melalui kerjasama strategik antara agensi Kerajaan dan sektor swasta.

Secara umumnya, komuniti bandar boleh membuat pelbagai urusan dalam satu bangunan dengan menjimatkan masa dan kos.

UTC turut menyediakan pusat pembangunan dan aktiviti belia, ruang perniagaan produk tempatan dan pusat kegiatan NGO.



## Senarai Agensi di UTC Kuala Lumpur

### ARAS BAWAH

- Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M)
- Klinik 1Malaysia
- Polis DiRaja Malaysia

### ARAS MEZZANINE

- Kedai Kain 1Malaysia
- Kedai Buku 1Malaysia

### ARAS 2

- Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
- Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)
- Kementerian Sumber Manusia - JobsMalaysia
- Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)

- Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)
- Jabatan Imigresen Malaysia
- Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)
- ePerolehan
- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) - kios

### ARAS 3

- Pos Malaysia Berhad
- Bank Simpanan Nasional (BSN)
- Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP)
- Pusat Pungutan Zakat (PPZ)
- Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN)
- FAMA

- Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)
- SME Bank
- Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN)
- Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK)
- Bank Pertanian (Agrobank) - kios
- Tenaga Nasional Berhad (TNB)
- Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)
- Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)
- Majlis Amanah Rakyat (MARA)
- Telekom Malaysia Berhad
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

### ARAS 4

- IM4U
- Kementerian Belia & Sukan
- Gelanggang Futsal
- Kafe Siber
- Pusat Kecergasan
- Pusat Aktiviti Belia

### LAIN-LAIN PERKHIDMATAN

- Surau Lelaki & Wanita
- Kafeteria
- Mesin ATM/CDM
- Wi-Fi
- Tandass Lelaki / Wanita / OKU
- Kiosk Informasi

## 10 KLUSTER UTC

1. Perkhidmatan Kebajikan & Pembangunan Masyarakat
2. Perkhidmatan Pendidikan, Latihan & Pekerjaan
3. Perkhidmatan Pembangunan, Perniagaan & Keusahawanan
4. Perkhidmatan Kesihatan
5. Perkhidmatan Kewangan
6. Perkhidmatan Kerajaan
7. Perkhidmatan Pembangunan Belia
8. Perkhidmatan NGO
9. Perkhidmatan Utiliti
10. Perkhidmatan Keselamatan

### PELBAGAI ACARA MENARIK DIADAKAN:

- Pertandingan Futsal
- Wall Climbing
- Cenderahati
- Persembahan Artis (Tomok Alyah, Azlan The Typewriter, Isma AF, Imuda Dan Badul)
- Persembahan Kebudayaan

9.00 Pagi - 1.00 Petang

## INFO RINGKAS

### Urban Transformation Centre (UTC) atau Pusat Transformasi Bandar

#### 1. Bagaimana timbulnya idea pelaksanaan UTC?

- Kerajaan hari ini, begitu komited dan benar-benar menjunjung prinsip "rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan".
- Sejak pengenalan Program Transformasi Kerajaan (GTP), iaitu penekanan kepada 7 Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP), iaitu penekanan kepada 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA); pelbagai inisiatif dirancang bagi melonjak Malaysia menuju Negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2020.
- Pusat Transformasi Bandar (UTC) Melaka merupakan UTC pertama dilaksanakan dan telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 23 Jun 2012 yang lalu.
- UTC merupakan pelengkap kepada Program Transformasi Komuniti (CTP) bagi memastikan segala inisiatif, program dan perkhidmatan Kerajaan dapat memanfaatkan secara maksimum kepada Rakyat.
- Menyediakan perkhidmatan utama Kerajaan dan sektor swasta di dalam satu kawasan atau bangunan. UTC juga akan berperanan sebagai pusat setempat bagi aktiviti belia, NGO serta komuniti usahawan.
- Satu usaha dan inisiatif Kerajaan bagi menyediakan pelbagai khidmat utama Kerajaan dan sektor swasta

kepada komuniti bandar di dalam satu pusat sehenti atau di dalam satu bangunan.

- UTC juga merupakan sebahagian daripada Strategi Lautan Biru (Blue Ocean Strategy) yang diperkenalkan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan Kerajaan melalui kerjasama strategik antara pelbagai agensi Kerajaan termasuk penglibatan sektor swasta.
- Komuniti bandar boleh melaksanakan pelbagai urusan dengan jabatan kerajaan dan swasta dalam satu bangunan. Pastinya dapat menjimatkan masa dan kos.

#### 2. Kenapa perlu diwujudkan UTC?

- Kerajaan telah mengemukakan Dasar Transformasi Nasional (DTN) semasa Ucapan Bajet 2012 bagi memastikan matlamat mencapai negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020 dapat direalisasikan.
- Pelbagai program transformasi telah dilaksanakan bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negara terus kukuh dan rakyat dapat meningkatkan kualiti hidup yang tinggi dan lebih baik.
- UTC dapat memberi kemudahan, terutamanya kepada penduduk di kawasan bandar berurusan dengan sektor Kerajaan dan swasta di samping secara tidak langsung dapat memberi peluang pekerjaan dan meningkatkan

rantaian ekonomi kawasan bandar tersebut.

#### 3. Adakah UTC satu pembaziran dan pertindihan fungsi dengan jabatan sedia ada?

- Tidak, UTC bukan satu pembaziran kerana ia adalah satu alternatif dan sebagai tambahan bagi memastikan perkhidmatan dapat diakses dengan lebih mudah. Selain itu, pelaksanaan UTC tidak melibatkan penambahan anggota operasi.

#### 4. Apakah perkhidmatan atau agensi Kerajaan yang disediakan di UTC?

- Secara umumnya sebanyak 10 kluster telah dirancang di UTC iaitu:

  1. Perkhidmatan Gunasama Kerajaan seperti kaunter Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Pengangkutan Jalan, Lembaga Hasil Dalam Negeri, ePerolehan, Imigresen, termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL);
  2. Perkhidmatan Kesihatan seperti Klinik 1Malaysia;
  3. Perkhidmatan Keselamatan seperti Kiosk PDRM;
  4. Perkhidmatan Pendidikan, Latihan dan Pekerjaan seperti Jobs Malaysia, Jabatan Tenaga Kerja;
  5. Perkhidmatan Kewangan seperti kaunter Bank Simpanan Nasional, PTPTN, SME Bank, Agro Bank, Bank Rakyat, perkhidmatan Automatic Teller Machine dan Mesin Tunai Deposit;

6. Perkhidmatan Pembangunan Perniagaan dan Keusahawanan seperti MARA, TEKUN, Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
7. Perkhidmatan Utiliti seperti TM Point, Tenaga Nasional Berhad, Indah Water Sdn. Bhd., Pos Malaysia;
8. Perkhidmatan Pembangunan Belia seperti pusat kecergasan, pusat muzik, dan pusat aktiviti belia;
9. Perkhidmatan Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat seperti Anjung Karisma dan Pusat Penempatan Harian Kanak-Kanak.
10. Perkhidmatan NGO.

#### 5. Apakah perkhidmatan lain disediakan di UTC KL?

- UTC KL turut menyediakan Kedai Rakyat 1Malaysia, surau, pusat pembelajaran, kafeteria, koperasi dan kios. Semua ini boleh diakses oleh rakyat dengan mudah.
- Perkhidmatan baru yang diperkenalkan di UTC KL adalah Kedai Kain 1Malaysia, Kedai Buku 1Malaysia, Surau yang boleh melaksanakan Solat Jumaat dan pusat aktiviti belia (IM4U).

#### 6. Waktu operasi di UTC KL?

- Waktu operasi UTC KL bermula dari jam 8.30 pagi hingga 10.00 malam, tujuh hari seminggu.
- Untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Kaunter UTC Kuala Lumpur di talian 03-20783333.

**MAJLIS PELANCARAN**  
**UTC**  
PUSAT TRANSFORMASI BANDAR  
KUALA LUMPUR



Oleh  
**YAB DATO' SRI MOHD NAJIB  
BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK**

**22 September 2012**  
Sabtu • 9 Pagi di Pudu Sentral

